

**TAHAP KESEDIAAN GURU MENGGUNAKAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT BERASASKAN KOMPUTER
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH
SEKOLAH MENENGAH DI KOTA KINABALU, SABAH.**

Mohamad Nizam Bin Hj. Nazarudin

Chua Sui Sen

Hamzah Bin Md Omar

Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Perbincangan memfokuskan kepada empat aspek iaitu tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer; perbezaan tahap kesediaan guru mengikut umur, pengalaman mengajar, pengalaman mengikuti kursus komputer dan pemilikan komputer peribadi di rumah; pengaruh tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dan hubungan tahap-tahap tersebut dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru adalah sederhana; tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kesediaan guru mengikut faktor demografi, sebaliknya terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran dengan kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer. Tahap pengetahuan menyumbang pengaruh paling tinggi terhadap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.



PENGENALAN

Pendidikan Sejarah merupakan asas penting dalam pembinaan bangsa Malaysia. Langkah Kementerian Pelajaran menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu langkah yang boleh menjayakan agenda pembinaan warga negara yang patriotik (Mohamad Sultan, 2000). Justeru, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah menetapkan mata pelajaran Sejarah sebagai salah satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari dan wajib diambil dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Semua teknik pengajaran dan pembelajaran dalam Sejarah sememangnya baik untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran dan terbukti keberkesannya. Tetapi memandangkan terdapatnya ledakan teknologi maklumat dan kesannya yang telah meresap dalam segenap kehidupan masyarakat, maka sudah tiba masanya sistem pendidikan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi memerlukan penglibatan guru-guru yang bersedia berhadapan dengan realiti perubahan. Justeru, inisiatif untuk mengintegrasikan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tepat pada masanya (Rusmini, 2003).

Di Malaysia, penggunaan komputer di sekolah-sekolah mula diperkenalkan seawal 80-an lagi. Banyak komputer telah digunakan sebagai alat bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran guru. Terdapat beberapa program komputer dalam pendidikan di negara ini, iaitu projek Pengenalan Kepada Komputer 1986, Projek Literasi Komputer 1992, Projek Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan komputer 1994, Projek Jaringan Pendidikan 1995 dan Konsep Sekolah Bestari 1996. Pada awal tahun 1999 pula, penggunaan komputer dalam pengajaran Sains dan Matematik mula dilaksanakan di beberapa buah sekolah terpilih. Pada tahun 2002, pengajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris dan berbantuan komputer dilaksanakan sepenuhnya bagi pelajar tahun 1, tingkatan 1 dan tingkatan 6 rendah. Kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran Sejarah dapat memberi suasana pengalaman yang baru kepada para pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah berbelanja besar dalam menyediakan prasarana komputer di sekolah-sekolah hari ini. Banyak sekolah telah dilengkapi dengan kemudahan komputer sebagai satu usaha menyahut cabaran ICT dalam pendidikan. Namun, persoalan sama ada kemudahan yang disediakan ini digunakan dengan sewajarnya dan memberi manfaat kepada golongan sasaran masih kabur dan perlu diselidiki dengan lebih mendalam. Selain itu, tidak banyak kajian tentang tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, khususnya di negeri Sabah. Kajian seumpama ini akan dapat memberi suatu gambaran fenomena masa kini dan kesan terhadap pelaksanaan program penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pendidikan pada masa akan datang. Dalam konteks negara kita, penggunaan teknologi berasaskan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran masih di tahap yang awal dan baru. Maka adalah diharapkan dapatan kajian akan dapat memberi maklumat terkini tentang kesediaan guru dalam mengharungi arus perubahan dengan penggunaan teknologi baru bagi menentukan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Selain itu, dapatan kajian juga diharapkan dapat memberi input tentang pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai hubungan dan pengaruh dengan tahap kesediaan guru-guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Seterusnya semua maklumat tersebut diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan negara ini seperti Kementerian Pelajaran Malaysia amnya, Bahagian Pendidikan Guru khususnya, Jabatan Pelajaran Negeri, pihak sekolah dan guru-guru untuk mengambil tindakan susulan. Antaranya ialah seperti tindakan untuk melatih para guru dengan kemahiran-kemahiran khusus tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kursus, seminar, latihan intensif dan sebagainya.



OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenal pasti tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah daripada aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer.
- ii. Menenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut umur.
- iii. Menenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut pengalaman mengajar Sejarah.
- iv. Menenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan.
- v. Menenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut pemilikan komputer peribadi di rumah.
- vi. Menenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut pengalaman menggunakan komputer.
- vii. Menenal pasti hubungan tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.
- viii. Menenal pasti hubungan tahap sikap tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru


menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.

- ix. Mengenal pasti hubungan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.
- x. Mengenal pasti pengaruh tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.
- xi. Mengenal pasti pengaruh tahap sikap tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.
- xii. Mengenal pasti pengaruh tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan. Menurut Chua (2006), kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang digunakan terutamanya dalam bidang Sains Sosial. Kajian tinjauan mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek.

Dalam kajian ini, tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah ditinjau berdasarkan aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Kajian juga meninjau perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi



maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah mengikut umur, pengalaman mengajar Sejarah, pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan, pemilikan komputer peribadi di rumah dan pengalaman menggunakan komputer. Kajian ini juga meninjau hubungan antara tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kemahiran dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Selain itu, kajian turut meninjau pengaruh tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.

Data yang telah diperoleh dari soal selidik kemudiannya diproses dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 11.5 For Windows)*. Jenis statistik yang digunakan dalam penganalisan ialah statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu Khi Kuasa Dua, Mann-Whitney U, Regresi dan Korelasi Spearman.

Populasi dan Pensampelan

Populasi kajian terdiri daripada 90 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di 11 buah sekolah menengah, Kota Kinabalu. Populasi di sekolah-sekolah yang dipilih ini meliputi guru-guru lelaki dan perempuan daripada pelbagai jawatan seperti guru tingkatan, guru panitia, guru biasa, Ketua Panitia, Ketua Bidang, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Kokurikulum. Jenis pensampelan yang digunakan ialah pensampelan kelompok.

Instrumen kajian

Soal selidik yang digunakan adalah berpandukan reka bentuk soal selidik *The Technology In my Life Survey* telah dilakukan oleh Mckenzie (1999 dalam Noraini, 2002) dan diubah suai oleh penyelidik mengikut keadaan dan persekitaran di sekolah-sekolah kajian. Set Soal selidik dibahagikan kepada Bahagian A yang mengandungi sebanyak 7 item soalan tentang demografi responden dengan menggunakan skala nominal, manakala Bahagian B mengandungi 10 item soalan berkaitan kesediaan guru dari aspek pengetahuan, 12 item soalan berkaitan dengan tahap kesediaan guru

dari aspek sikap dan 15 item soalan berkaitan dengan kesiediaan guru dari aspek kemahiran. Kesemua soal selidik dalam Bahagian B dikaji dengan menggunakan skala Likert lima poin (skala ordinal). Bagi meninjau tahap pengetahuan dan sikap, skala yang digunakan ialah 1 : Sangat Tidak Setuju, 2: Tidak Setuju, 3: Kurang Setuju, 4: Setuju, 5: Sangat Setuju. Manakala bagi meninjau kemahiran menggunakan teknologi maklumat, skala yang digunakan ialah 1: Amat Lemah, 2: Lemah, 3: Sederhana, 4: Mahir, 5 : Amat Mahir. Jadual 3.4 menunjukkan pembahagian utama set soal selidik mengikut bilangan item soalan dan skala Likert 5 poin (skala ordinal). Hasil daripada kajian rintis diproses dan dianalisis menggunakan kaedah Alpha Cronbach di dalam program SPSS Versi 11.5. Data yang diperoleh memuaskan kerana kebolehpercayaan yang tinggi sehingga 0.954.

DAPATAN KAJIAN

Kesemua dapatan kajian kemudiannya dikumpulkan dan disusun dengan kemas dan dinyatakan dengan terperinci. Jadual 1 memaparkan keputusan dapatan kajian bagi kesemua hipotesis yang diuji.

Jadual 1 : Dapatan Kajian

Bil	Objektif kajian / Hipotesis Kajian	PB	PTB	Alat Statistik	Dapatan kajian
1	Apakah tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer berdasarkan aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran?	Tahap Kesiediaan	Pengetahuan Sikap Kemahiran	Statistik Deskriptif	Tahap Sederhana
Ho1	Tidak terdapat perbezaan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut umur.	Tahap Kesiediaan	Umur	Khi Kuasa Dua	Diterima



Ho2	Tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut pengalaman mengajar Sejarah.	Tahap Kesediaan Skala Ordinal	Pengalaman Mengajar Sejarah Skala Normal	Khi Kuasa Dua	Diterima
Ho3	Tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan berdasarkan pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan.	Tahap Kesediaan Skala Ordinal	Pengalaman Mengikut Kursus Komputer Dalam Perkhidmatan Skala Nominal	Mann-Whitney U	Diterima
Ho4	Tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut pemilihan komputer peribadi di rumah.	Tahap Kesediaan Skala Ordinal	Pemilikan Komputer Peribadi di Rumah Skala Nominal	Mann-Whitney U	Diterima
Ho5	Tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut pengalaman menggunakan komputer.	Tahap Kesediaan	Pengalaman menggunakan komputer	Khi Kuasa Dua	Diterima

Ho6	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.	Tahap Kesiediaan Skala Ordinal	Tahap Pengetahuan Skala Nominal	Korelasi Spearman	Ditolak
Ho7	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.	Tahap Kesiediaan Skala Ordinal	Tahap Sikap Skala Nominal	Korelasi Spearman	Ditolak
Ho8	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	Tahap Kesiediaan Skala Ordinal	Tahap kemahiran Skala Ordinal	Korelasi Spearman	Ditolak



Ho9	Tidak terdapat pengaruh yang signifikan tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan dan Pembelajaran Sejarah.	Tahap kesediaan Skala Ordinal	Tahap pengetahuan Skala Ordinal	Regresi Linear	Ditolak
Ho10	Tidak terdapat pengaruh yang signifikan tahap sikap tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan dan Pembelajaran Sejarah	Tahap kesediaan Skala Ordinal	Tahap sikap Skala Ordinal	Regresi Linear	Ditolak
Ho11	Tidak terdapat pengaruh yang signifikan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan dan Pembelajaran Sejarah	Tahap kesediaan Skala Ordinal Tahap kesediaan	Tahap kemahiran Skala Ordinal	Regresi Linear	Ditolak

RUMUSAN DAN CADANGAN


Semua hasil dapatan dibincangkan dengan terperinci berdasarkan objektif dan hipotesis kajian seperti berikut:

Tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah

Tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah ditinjau daripada tiga aspek iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Dapatan kajian mendapati daripada tiga aspek yang dikaji, hanya tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer berada pada tahap tinggi manakala tahap sikap dan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer berada pada tahap sederhana. Analisis purata bagi ketiga-tiga tahap menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru berkaitan penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah berada pada tahap kesediaan yang sederhana.

Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Noraini (2002) yang mengkaji tahap kesediaan guru-guru dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sains. Dalam kajian beliau ke atas 223 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sains di 22 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Hulu Langat, Selangor, mendapati tahap kesediaan guru Sains dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran adalah pada tahap sederhana.

Perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer mengikut umur, mengikut pengalaman mengajar Sejarah, pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan, pemilikan komputer peribadi di rumah dan pengalaman menggunakan komputer.



Dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer yang signifikan mengikut umur, tidak wujud perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah mengikut pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan tidak wujud perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut pemilikan komputer peribadi di rumah.

Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah yang signifikan mengikut pengalaman menggunakan komputer. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rahmah, 2005 tentang penggunaan komputer dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Daerah Papar, Sabah. Dapatan kajian didapati tidak terdapat perbezaan sikap guru-guru yang signifikan terhadap penggunaan komputer berdasarkan pengalaman menggunakan komputer.

Hubungan tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tahap sikap tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dengan tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat

berasaskan komputer dengan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zainuddin, 1997. Beliau mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran tentang komputer dengan penggunaan komputer dalam kalangan guru di sekolah.

Kerangka Kajian dan Teori

Dapatan kajian berkait rapat dengan teori efikasi sendiri yang dikemukakan oleh Bandura, 1963. Menurut Bandura, efikasi sendiri mempengaruhi prestasi dan meningkatkan usaha dan kecekalan. Mereka yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi cenderung untuk bekerja lebih dibandingkan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah. Dalam erti kata lain, semakin tinggi efikasi sendiri seseorang individu, semakin tinggi keyakinan seseorang untuk berjaya dalam sesuatu tugas, hal yang sama berlaku di sebaliknya. Dapatan kajian selari dengan Teori Efikasi Kendiri iaitu individu yang mempunyai tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap positif tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer mempunyai hubungan dan menyumbang pengaruh terhadap tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Teori-teori seperti Teori Tingkah Laku, Teori Dua Faktor, Teori Motivasi Pencapaian Dan Teori Pengharapan Vroom adalah kurang sesuai kerana tidak selari dengan dapatan kajian ini.

CADANGAN

Dua dapatan kajian yang mendapat perhatian dalam kajian ini ialah, pertama, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer ada hubungan dengan tahap kesiediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kedua, tahap pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer menyumbangkan pengaruh yang paling tinggi, diikuti tahap sikap dan tahap kemahiran tentang



penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer terhadap tahap kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Berdasarkan dua dapatan utama ini, pihak pentadbir sekolah khususnya pengetua dan guru-guru kanannya boleh mempertingkatkan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap yang positif tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam kalangan guru-guru melalui saranan-saranan berikut :


- i. Menggalakkan guru-guru mengikuti kursus-kursus komputer dalam perkhidmatan atau kursus yang sama tetapi dianjurkan oleh pihak luar. Kumpulan guru yang perlu diberi keutamaan ialah guru-guru yang mempunyai keyakinan, pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi maklumat berasaskan komputer yang terhad. Pengisian kursus komputer perlu memasukkan latihan kemahiran menggunakan pelbagai teknologi maklumat berasaskan komputer seperti Microsoft Excel, Microsoft Powerpoint, penggunaan Internet, penggunaan laman web dan sebagainya.
- ii. Mengadakan kempen pengintegrasian teknologi maklumat berasaskan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Kempen ini boleh dilakukan menerusi program perkembangan staf yang merupakan agenda tahunan bagi guru-guru pada semua peringkat sekolah dalam negara ini. Menerusi program ini, pihak pentadbir menjemput penceramah yang terdiri daripada guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang berkemahiran dan berpengalaman dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer di dalam bilik darjah. Kelebihan mengintegrasikan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran perlu diberi penekanan serius, hal ini penting bagi memastikan hasrat kerajaan membestarikan sekolah menjelang 2010 boleh dicapai.
- iii. Bagi menggalakkan dan memotivasikan tahap penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, sekolah-sekolah perlu dilengkapi dengan makmal komputer. Sehubungan itu, para guru pula diseru agar lebih bersikap positif dan mengambil inisiatif atau berusaha sendiri untuk

memajukan diri dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer, hal ini penting agar keyakinan diri dapat diperoleh dan lebih bersedia menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

- iv. Menggalakkan guru-guru untuk memiliki sebuah komputer peribadi di rumah. Pemilikan komputer peribadi seseorang guru akan dapat membantu dalam menguasai lebih banyak pengetahuan dan kemahiran tentang penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Hal ini dilihat apabila setiap kali guru-guru berkenaan menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer sama ada untuk tujuan peribadi atau profesional, secara tidak langsung boleh melatih dan meningkatkan kemahiran sedia ada ke tahap yang lebih baik.

BIBLIOGRAFI

- Chua Yan Piaw, (2006). *Kaedah Penyelidikan. Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1* Selangor : Mc Graw Hill.
- Mohd Sultan bin Faujdar, (2000). *Kualiti Pengajaran Sejarah di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Sebak Bernam*. Selangor : Universiti Malaya. (tidak diterbitkan).
- Noraini Atta, (2002). *Tahap Kesiediaan Guru dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Bagi Mata Pelajaran Sains*. Selangor : Universiti Malaya. (tidak diterbitkan).
- Rahmah Bte Buntar, (2005). *Penggunaan Komputer di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Papar, Sabah*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah. (tidak diterbitkan).
- Rusmini Ku Ahmad, (2003). Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia Jilid 13. Bil.01. 83-90



- Tang Geok Ling, (2005). Meningkatkan Keupayaan Pelajar Mengingat Fakta Sejarah Dengan Menggunakan Kaedah Mneumonik. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2005*. Kuching : Pejabat Pelajaran Gabungan Sri Aman dan Maktab Perguruan Batu Lintang Kuching. 3-4 Oktober 2005.97-98
- Usha Dewi A/P Chinnappan, (2000). *Keberkesanan Penggunaan Bahan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Tingkatan 1 di antara Sekolah Menengah Bestari dan Sekolah Menengah Biasa*. Selangor : Universiti Malaya. (tidak diterbitkan).
- Wan Ng dan Gunstone R., (2003). Science and Computer-Based Technologies : Attitudes of Secondary Science Teachers. *Research Papers in Education*. Volume 21, Number 2. (atas talian). <http://taylorandfrancis.metapress.com>. Dicitak : 9/29/2006. 243
- Wheeler, S. (2001). Information and Communication Technologies and the Changing Role of the Teacher. Volume 26. Number 1/ March 1, 2001. (atas talian) <http://taylorandfrancis.metapress.com>. Dicitak : 9/29/2006. 7
- Ying-Shao Hsu, Yeong-Jing Cheng dan Guey-Fa Chiou, (2003). internet Use in a Senior High School : A Case Study. *Research Papers in Education*. Volume 40, Number 4. (atas talian) <http://taylorandfrancis.metapress.com>. Dicitak : 9/29/2006. 356
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu, (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows*. Universiti Teknologi Malaysia : VENTON Publishing.
- Zainuddin Abdul Hamid, (1997). *Computer Usage Among School Administrators in Sebarang Perai Selatan District*. Univerisiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).